

Kawasan pejalan kaki, CityWalk di i-City dijadikan pentas utama untuk pelawat jalan pelbagai aktiviti

>>Oleh Suliati Asri
suliati@hmetro.com.my

TATKALA melihat gambar rakan di facebook berlatarbelakangkan pokok berwarna-warni, penulis tertanya-tanya di manakah tempatnya?

Mana tidaknya, suasana yang digambarkan bagaikan rakan itu di luar negara dengan ditemani pemandangan yang cukup memukau.

Namun, menerusi program Selangor Shines Fam (Familiarisation) Tour 2010, segala persoalan terjawab.

Apa yang pasti, sangkaan penulis jauh tersasar kerana lokasinya bukanlah di luar negara sebaliknya di Seksyen 7, Shah Alam, Selangor yang dikenali, i-City.

Memasuki kawasan i-City, mata tertumpu kepada pokok yang berwarna-warni di sepanjang jalan ke tempat letak kereta.

Sungguh unik dan mem-

Haiwan bercahaya bagai di alam fantasi

CANTIK... bagaikan berada di alam fantasi.



pesona mata memandang, tetapi itu pemandangan pada siang hari.

Ini kerana dengan keluasan 28.8 hektar, i-City terkenal sebagai bandar lampu digital dan destinasi pelancongan di Malaysia yang menggunakan teknologi lampu LED canggih.

Justeru, ia akan berubah menjadi syurga lampu yang cukup indah dan tidak dapat digambarkan dengan kata-kata pada waktu malam.

Semua hiasan lampu yang memukau itu boleh dialami sendiri di CityWalk dan CityPark.

CityWalk adalah kawasan pejalan kaki yang dijadikan pentas utama untuk pelawat menjalankan pelbagai aktiviti ketika berkunjung ke sana.

Dimajukan oleh I-Berhad (I-Bhd), CityWalk dibangunkan dengan mengambil model daripada Clarke Quay, Singapura.

Ia juga terdapat pusat belibelah pejalan kaki sepanjang 400 meter yang diambil berasaskan model Universal CityWalk di Los Angeles, Amerika Syarikat.

Ia menggambarkan suasana perarakan Mardi Gras

dengan tarikan utama pertunjukan cahaya dan bunyi.

Selain kawasan pejalan kaki CityWalk yang cukup mengagumkan itu, CityPark mempunyai tarikan sendiri.

Di CityPark, pengunjung bebas menikmati keindahan malam yang diterangi lampu berwarna-warni itu.

Di bahagian hujung CityPark itu, anda bagaikan berada di alam fantasi dengan ditemani pelbagai jenis haiwan yang bercahaya.

Pastinya si kecil teruja tatkala melihat haiwan seperti rusa, harimau dan bangau yang bercahaya.

Bersempena Piala Dunia 2010, i-City turut menyediakan skrin terbesar bagi pengunjung yang mahu menyaksikan pasukan kegemaran masing-masing beraksi secara santai.


Selain menjadi pusat pelancongan dengan menjadikan pancaran lampu unik sebagai tarikan, i-City juga akan menjadi sebuah bandar berteknologi tinggi.

i-City akan menempatkan ruang pejabat pusat siber canggih dengan pusat konvensennya sendiri.

Ia turut memiliki apartment,



TEROKA...pengunjung bebas menerokai bandar raya bercahaya ini di CityPark.




MEMPESONA...perindang

ntasi

DESTINASI KELUARGA...

sesuai bawa kanak-kanak yang teruja lihat haiwan bercahaya.



TUMPUAN...i-City kini jadi pusat pelancongan baru.

>>Aktiviti menarik sekitar Julai



MERIAH...kepelbagaian muzik etnik yang dipersembahkan memeriahkan acara Sarawak Rainforest World Music Festival.

Festival Kuala Lumpur

Alam, Selangor
www.tourismselangor.org

• Festival Kuala Lumpur diraikan dengan meriah di beberapa lokasi terpilih.

Tarikh: 1 - 31 Julai

Tempat: Jalan Tuanku Abdul Rahman, Istana Budaya, Pasar Seni, Menara Berkembar Petronas Menara Kuala Lumpur

Tel: 03-2612 7600

Faks: 03-2693 5114

www.klfestival.org.my

Sarawak Rainforest World Music Festival

• Pemuzik dari serata dunia berkumpul untuk memberikan persembahan muzik etnik terbaik di Kampung Budaya Sarawak.

Tarikh: 9 - 11 Julai

Tempat: Kampung Budaya Sarawak, Santubong Sarawak

Tel: 082-423600

Faks: 082-416700

Emel: sarren@sarawaktourism.com

www.rainforestmusic-borneo.com

Seni Kontemporari 1Malaysia

• Acara berprestij yang memperkenalkan seni kontemporari Malaysia.

Tarikh: 1 - 31 Julai

Tempat: Galeri Seni Petronas & Galeri Seni Kebangsaan, Kuala Lumpur

Tel: 03-2693 7111


Faks: 03-2691 3358

Emel: info@motour.gov.my

www.motour.gov.my

Festival Bunga Dan Taman Putrajaya

• Saksikan keindahan Putrajaya di pameran flora mulai 10 - 18 Julai ini



hotel dan pusat beli-belah sekali.

Jika mahu melihat hiasan lampu di i-City, kunjungi bandar cahaya itu, ia dibuka setiap hari dari jam 7 hingga 10 malam.

Dengan bebanan kerja seharian yang meletihkan,

pastinya kunjungan ke i-City ini mententeramkan jiwa. Bagi yang berkeluarga, inilah masa bersantai bersama anak.

Jika datang ke sini, jangan lupa membawa kamera untuk merakam detik indah berlatar belakang lampu hiasan.

> Info

- i-City memiliki status Koridor Raya Multimedia (MSC) yang dianugerahkan status Taman Antarabangsa oleh kerajaan Selangor.
- Mengambil model daripada Clarke Quay, Singapura.
- Terkenal sebagai bandar lampu digital dan juga destinasi pelancongan di Malaysia yang menggunakan teknologi lampu LED canggih.
- Bandar komersial integrasi dengan kos pembangunan RM2 bilion, dilengkapi 20 megabit sesaat hubungan jalur lebar.
- Kira-kira 5,000 pelawat berkunjung setiap malam dan bilangan itu bertambah kepada 10,000 pengunjung pada hujung minggu.
- Untuk keterangan lanjut, hubungi i-City di talian 03-5521 8800 atau layari web <http://icity.creativebugs.com.my/>

>>BAGAIMANA KE SANA:

• Ikut laluan Lebuh raya Persekutuan ke Shah Alam. Di sepanjang jalan, anda akan melihat papan tanda menuju ke i-City. Ambil susur keluar ke tol Batu Tiga. Ikut laluan ini sehingga anda melihat stesen minyak pertama BHP di sebelah kiri. Pastikan anda tetap berada di sebelah kiri dan ikuti papan tanda ke i-City.

Selangor Musical Extravaganza

Tarikh: 3 - 18 Julai

Tempat: Pusat Kebudayaan Shah Alam dan Galeri, Shah

Tarikh: 10 - 18 Julai
Tempat: Sisiran Tasik, Presint 2 Putrajaya
Tel: 03-8887 7000
Faks: 603 8887 5000
Emel: ppjonline@ppj.gov.my
www.ppj.gov.my

MEMPESONA...

pemandangan indah di Putrajaya menerusi pameran flora.

